

16 Oktober 2023

## **Kenyataan Media**

### **PEMINDAHAN OPERASI PUSPAKOM LANGKAWI KE TAPAK PEMERIKSAAN SEMENTARA DI KOMPLEKS KILIM**

**Shah Alam, 16 Oktober 2023** – Bermula 22 Oktober 2023, operasi PUSPAKOM Langkawi akan berpindah ke tapak pemeriksaan sementara di Kompleks Kilim yang beralamat di Jalan Air Hangat, Kampung Belanga Pechah, 07000 Langkawi, Kedah, dengan waktu operasi dari Ahad hingga Khamis, jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang.

Pemeriksaan kenderaan di tapak sementara Kompleks Kilim ini akan dijalankan menggunakan Unit Bergerak Trak PUSPAKOM. Oleh itu, demi kemudahan pelanggan dan kelancaran operasi, pelanggan dinasihatkan membuat janji temu pemeriksaan terlebih dahulu melalui laman web [www.mypuspakom.com.my](http://www.mypuspakom.com.my). Hadir secara *walk-in* adalah tidak dibenarkan.

Sementara itu, PUSPAKOM Langkawi yang berlokasi di Lot 308, Kg. Padang Lalang Mukim Kuah, Langkawi akan ditutup sepenuhnya pada 19 Oktober 2023. PUSPAKOM Langkawi yang baharu akan bertempat di Bandar Kuah dan dijangka akan memulakan operasi pada awal tahun 2024.

Untuk maklumat lanjut, pelanggan boleh melayari laman web PUSPAKOM di [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my) atau mengikuti Facebook PUSPAKOM Sdn Bhd.

#

## **Gambar**



*Peta lokasi tapak pemeriksaan sementara di Kompleks KILIM*

## **MENGENAI PUSPAKOM**

***Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM)*** merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang pertama dan satu-satunya yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian. Ditubuhkan pada tahun 1994, kami adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.

*Peranan utama kami adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan dalam memastikan kenderaan berada di dalam keadaan yang selamat untuk dipandu di atas jalan raya serta memastikan pemilik kenderaan mematuhi peraturan-peraturan dalam memelihara alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini akan dilakukan melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti terhadap kenderaan untuk memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan Kerajaan.*

*Setiap tahun, PUSPAKOM menjalankan lebih daripada 3 juta pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM mempunyai rangkaian di seluruh negara di 54 pusat pemeriksaan yang dilengkapi peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi oleh pihak berkaitan dari semasa ke semasa. Selain itu, PUSPAKOM juga mempunyai lebih daripada 25 pemeriksaan secara lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan di luar Bandar.*

*Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Van dan Unit Bergerak Ringan, menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami bangga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap dan tepat secara profesional.*